

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, January 30, 2020 11:29 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Muncul Johan Dan Naib Johan Video Keselamatan Jalan Raya



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

30 JANUARI 2020 / 5 JAMADILAKHIR 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Musyaznie Mokhtar
Gambar oleh: Mohd Fuad Hamid

UUM MUNCUL JOHAN DAN NAIB JOHAN VIDEO KESELAMATAN JALAN RAYA



UUM ONLINE: Klip video 'Cuai' dan 'Alpa' telah membawa tuah kepada enam pelajar praktikum dari Unifilm Studio, Universiti Utara Malaysia (UUM) apabila berjaya mendapat johan dan naib johan dalam Pertandingan Video Klip Keselamatan Jalan Raya Peringkat Institut Pengajian Tinggi Negeri Kedah Tahun 2019, baru-baru ini.

Kumpulan One Two Three Picture dianggotai tiga pelajar dengan video klip berjudul 'Cuai' telah mendapat tempat pertama dengan membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM 1,000.

Manakala, video klip berjudul 'Alpa' daripada Kumpulan DIA dianggotai tiga pelajar mendapat tempat kedua dan membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM 500.

Ketua kumpulan One Two Three Picture, Nurul Huda Noorzamri berkata, mereka tidak menjangkakan untuk merangkul gelaran juara dalam pertandingan itu.

“Kami amat bersyukur dengan kejayaan yang tidak diduga, sekali gus telah membakar semangat dan keyakinan untuk terus berkarya di masa akan datang.

“Video klip ini berkisahkan seorang lelaki yang tidak mematuhi peraturan jalan raya yang akhirnya telah membahayakan orang lain dan diri sendiri menjadi idea utama dalam mendidik masyarakat bahawa pentingnya sikap berhemah dan bertimbang rasa semasa memandu,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Unifilm Studio, Bahiyah Md. Idris mengucapkan tahniah kepada pelajar-pelajar praktikum tersebut kerana telah berjaya menghasilkan video yang mempunyai nilai positif dan mampu mendidik penonton dan masyarakat.

“Saya sentiasa menyokong mereka untuk menyertai pertandingan terbuka bagi mengasah bakat, kemahiran dan kebolehan mereka dalam mengurus sendiri pembikinan sesebuah video bermula dari proses pra-produksi, produksi dan pasca-produksi,” katanya.

Hadiah pemenang disampaikan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pertanian dan Asas Tani, Pengangkutan dan Industri Utama, merangkap Pengerusi Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR), Azman Nasruddin pada Majlis Pelancaran Ops Bersepadu dan Kempen Keselamatan Jalan Raya sempena Perayaan Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Kedah Tahun 2020.

Hentian Rehat dan Rawat (RnR) Gurun Arah Selatan dipilih sebagai lokasi pelancaran bagi memberi peringatan kepada pengguna jalan raya agar berhenti dan berehat dahulu sebelum memulakan perjalanan.

Pada majlis sama, beberapa aktiviti juga dilaksanakan termasuk pertukaran minyak hitam motosikal, advokasi pengguna jalan raya dan *flag off* kenderaan penguatkuasa dan rondaan yang bertugas sepanjang musim perayaan.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.